

CADANGAN WAJARAN MARKAH BAGI KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

Unit Kenaikan Pangkat Staf Akademik

Telah Dihantar: 12 April 2010 16:32**Kepada:** UUM - All Staff**Lampiran-lampiran:**  CADANGAN WAJARAN MARKAH KE~1.doc (205 KB) [Buka sebagai Halaman Web];  BORANG MAKLUMBALAS.docx (2 MB) [Buka sebagai Halaman Web]

Assalamualaikum w.b.t

YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Prof/Tuan/Puan

CADANGAN WAJARAN MARKAH BAGI KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

Adalah dimaklumkan bahawa pihak Universiti telah bersetuju menyemak semula wajaran markah bagi kenaikan pangkat staf akademik. Sehubungan itu, Jabatan Pendaftar telah mengadakan beberapa siri bengkel wajaran markah kenaikan pangkat staf akademik yang melibatkan Jawatankuasa Panel Penilai Universiti, Jawatankuasa Pemilihan, wakil Kolej serta wakil PERSATU bagi membincangkan wajaran markah kenaikan pangkat tersebut.

Pihak Universiti ingin mendapat maklumbalas daripada YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Prof/Tuan/Puan sebelum wajaran markah ini digunakan secara rasmi oleh pihak Universiti.

Bersama-sama ini adalah disertakan :

- 1) Cadangan wajaran markah kenaikan pangkat staf akademik; dan
- 2) Borang maklumbalas

Jabatan Pendaftar amat mengalu-alukan sebarang maklumbalas daripada YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Prof/Tuan/Puan mengenai perkara ini.

Pihak Urusetia juga telah mengedarkan cadangan wajaran ini pada 30 Mac 2010 dan masih lagi memerlukan maklumbalas daripada YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Prof/Tuan/Puan. Sila kemukakan maklumbalas dengan Borang Maklumbalas yang dilampirkan ke pend_kenaikanpangkat@uum.edu.my di mana tarikh untuk mengemukakan maklumbalas dilanjutkan sehingga **18 April 2010**. Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi pihak urusetia iaitu **En. Mohd. Rodzi Abu Seman** di talian **3041** dan **Pn. Azni Idayu Shuib** di talian **3197**.

Perhatian dan maklumbalas YBhg. Dato'/Datin/YBrs. Prof/Tuan/Puan amatlah dihargai dan dialu-alukan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah

NOOR AZMAN YUSOF

Timbalan Pendaftar

Jabatan Pendaftar

Universiti Utara Malaysia

Tel : 04-928 3024

Faks : 04-928 4188

Emel : azman127@uum.edu.my